

77

SOALAN NO. 39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Datuk Dr. Haji Abd. Latiff Bin Ahmad [Mersing]

TARIKH : 1 NOVEMBER 2017 (RABU)

SOALAN :

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff Bin Ahmad [Mersing] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan usaha dan pendekatan terbaru yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi membantu menangani masalah sosial di kalangan masyarakat setempat dan langkah-langkah pre-emptive bagi menangani permasalahan tersebut.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Dalam usaha menangani isu sosial di Malaysia, kerjasama bersepadu di antara semua pihak termasuk agensi-agensi kerajaan, pihak swasta, pertubuhan bukan kerajaan, ahli akademik dan setiap anggota masyarakat adalah sangat diperlukan. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui agensi di bawah Kementerian telah melaksanakan banyak program-program melibatkan kumpulan sasar Kementerian iaitu wanita, kanak-kanak, orang kurang upaya, warga emas, keluarga, orang papa, pertubuhan sukarela kebajikan dan mangsa bencana alam dalam usaha memastikan kesejahteraan masyarakat secara menyeluruh.

Antara program yang telah dilaksanakan adalah program advokasi secara berterusan seperti Kempen Keselamatan Kanak-Kanak Di Sekolah - Sahabat B.I.J.A.K yang direka bagi tujuan pencegahan serta meningkatkan

kesedaran masyarakat untuk memberi perlindungan kepada kanak-kanak. Ia juga bertujuan untuk menyebar luas maklumat berkaitan aspek keselamatan kanak-kanak termasuk literasi undang-undang kepada kanak-kanak sekolah, ibu, bapa, penjaga, guru-guru serta masyarakat.

Selaras dengan Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan (PEKERTI), program PEKERTI@Sekolah telah dan sedang dilaksanakan di mana sebanyak 40 buah sekolah di seluruh Malaysia telah dipilih untuk melaksanakan program ini bermula Oktober hingga November 2017. Melalui Pelan Tindakan PEKERTI juga, Kementerian melalui LPPKN telah berada di peringkat akhir perbincangan bersama Kementerian Pendidikan (KPM) untuk berkolaborasi dan meluaskan program PEKERTI@Sekolah di lebih banyak sekolah menengah pada tahun 2018.

Selain itu, Kementerian turut melaksanakan Program Pemerkasaan Keluarga dan Komuniti (*Family and Community Empowerment – FACE*) di mana program ini memberi fokus kepada pengukuhan institusi keluarga dan komuniti dengan objektif untuk mengenal pasti keperluan setempat dan

tahap kesejahteraan keluarga di kawasan komuniti terpilih. Pelaksanaan FACE adalah mengikut strategi-strategi yang telah digariskan iaitu:

- a) mengenal pasti masalah di komuniti;
- b) merangka pelan pembangunan intervensi;
- c) melaksanakan program intervensi tersebut; dan
- d) membuat pemantauan dan penilaian.

Cadangan program intervensi FACE juga adalah selaras dengan 8 domain dalam Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) iaitu **domain hubungan kekeluargaan, keluarga dan komuniti, ekonomi keluarga, keselamatan keluarga, kesihatan keluarga, keluarga dan agama/kerohanian, persekitaran dan perumahan, serta teknologi dan komunikasi.**

Tuan Yang Dipertua,

Dengan adanya program-program *pre-emptive* di kawasan yang dikenal pasti mempunyai kadar gejala sosial yang tinggi, adalah diharapkan supaya permasalahan sosial dapat ditangani. KPWKM merancang untuk melaksanakan satu **program intervensi** bagi membendung dan menangani isu-isu sosial yang berlaku di Malaysia secara menyeluruh memandangkan isu sosial merupakan isu sejagat yang merentasi kementerian/jabatan/

agensi. Program intervensi ini tidak hanya menjurus kepada program sedia ada yang telah dan sedang dilaksanakan oleh KPWKM tetapi lebih kepada pendekatan baharu yang bersepadu dan fokus. Program intervensi ini diberi nama **Program Kepedulian Sosial** atau **PKS** di mana ia merupakan program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (*National Blue Ocean Strategy – NBOS*) baharu yang bukan saja melibatkan kerjasama antara agensi kerajaan pusat tetapi juga melibatkan agensi kerajaan negeri, komuniti setempat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan syarikat korporat.